

**KEWAJARAN PENGGUNAAN PRODUKSI TEATER DALAM
PEMBELAJARAN GENRE DRAMA MELALUI MATA PELAJARAN
KESUSASTERAAN MELAYU KOMUNIKATIF
*APPROPRIATENESS OF THE USE OF GENRE DRAMA THEATER IN
LEARNING TOWARDS COMMUNICATIVE MALAY LITERATURE SUBJECT***

Mohd Amir Mohd Zahari¹

Rohizani Yaakub²

Azrul Azizi Amirul³

Anida Sarudin⁴

^{1&4}*Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris*

²*Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia*

³*Pusat Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia*

amir.mz@fbk.upsi.edu.my, rohizani@usm.my, azrulazizi@usm.my, anida@fbk.upsi.edu.my

Tarikh diterima: 29 Januari 2020/ Tarikh dihantar: 6 April 2020

ABSTRAK

Aktiviti pembelajaran berkonsepkan Produksi Teater adalah aktiviti yang melibatkan proses gerak kerja seni. Penghasilan Produksi Teater ini memerlukan perancangan dan pelaksanaan yang sistematik. Sehubungan itu, artikel ini membincangkan kewajaran Produksi Teater diaplikasikan dalam pembelajaran genre drama menerusi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif. Implikasi pelaksanaan Produksi Teater bukan sahaja dapat memupuk pengalaman sosial dan sikap bekerjasama antara satu sama lain, malah berupaya menarik minat pelajar dalam mempelajari genre drama. Teater atau drama dalam pendidikan makin dikenali di negara kita terutamanya dalam konteks pendidikan dan penglibatan kokurikulum di sekolah. Walau bagaimanapun, pendekatan Produksi Teater dalam pembelajaran drama masih belum dikenali. Justeru, ia wajar dilaksanakan agar pendekatan ini boleh diterima oleh pihak guru dan pelajar dan dapat diaplikasikan melalui pembelajaran drama di sekolah.

Kata kunci: Produksi teater, genre drama, teater dalam pendidikan, pembelajaran melalui drama, pembelajaran pelajar.

ABSTRACT

Learning activities that conceptualize the Theatre Production are activities that involve the process of artwork. The results of this Theatre Production method require systematic planning and execution. In relation to that, in this article, the Theatre Production should be applied in learning through drama genre subject of Malay Literature Communicative. Implications for implementing Theatre Production method not only foster social experiences and cooperative behaviour; but it can also engage students in learning the drama genre. Theatre or

drama in education are increasingly recognized in our country, especially in the context of education and co-curricular involvement in schools. However, the approach to Theatre Production in learning drama is still unknown and it is necessary to make this approach accessible to teachers and students and can be applied through learning drama in schools.

Keywords: *Theatre production, drama genre, theatre in learning, learning through drama, student learning.*


PENGENALAN

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025 merupakan satu pelan transformasi pendidikan bagi menghadapi cabaran pada abad ke-21. Transformasi pendidikan ini, sekali gus menggerakkan reformasi bentuk Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) supaya suasana di dalam bilik darjah menjadi lebih kreatif, inovatif dan bermakna. Permasalahan pengajaran yang berlangsung di dalam bilik darjah dapat diatasi sekiranya guru mengaplikasikan pendekatan yang sesuai dan bermakna. Oleh hal yang demikian, peranan PdPc hari ni menuntut cara pembelajaran yang boleh membina kemampuan berfikir dan lebih kreatif. Keberkesanan sesuatu pengajaran banyak bergantung kepada faktor guru dan pendekatan pengajaran yang diaplikasikan serta bersesuaian dengan isi pengajarannya (Mat Asuar, 2008; Nik Hassan Basri, 2005).

Menurut Mazlan Ismail (2018), cabaran dalam bidang pendidikan begitu mencabar terutamanya dalam pengurusan PdPc dalam bilik darjah. Pelbagai pelaksanaan perlu dilakukan. Antaranya adalah menerusi kaedah PdPc yang berteraskan teknologi (ICT). Mutakhir ini, konsep teknologi dalam PdPc itu memberi impak yang positif kepada murid dan sistem pendidikan. Konsep tersebut berteraskan PdPc pada abad ke-21, iaitu mengikut peredaran zaman dan tidak mahu murid tercicir dalam dunia teknologi (Azhar Wahid, 2017).

Oleh hal yang demikian, adakah dengan mengaplikasikan dunia teknologi itu dapat menzahirkan kreativiti dan memupuk daya kognitif dari aspek komunikasi, mendengar, daya keyakinan yang tinggi dan minat akan sesuatu pembelajaran tersebut? Jika murid hanya bergantung kepada medium teknologi dengan menggunakan aplikasi komputer, internet, *slides*, apakah cabaran yang akan terjadi kepada konteks penghayatan murid terhadap sesuatu perkara tersebut? Selain itu, peranan fasiliti di sekolah juga harus diambil kira. Terdapat juga sebilangan sekolah yang tidak mempunyai kemudahan yang lengkap. Pelbagai sudut diambil kira dalam mengorak langkah agar setiap murid di sekolah dapat menerapkan nilai tambah, terutamanya dari aspek kemahiran kreativiti dan tahap komunikasi murid yang tinggi.

Jika kita merujuk kepada beberapa buah negara seperti Indonesia, Britain, Filipina, Turki dan Amerika Sayarikat, drama atau teater menjadi satu mata pelajaran wajib bagi setiap murid di sekolah untuk mempelajarinya. Penggunaan drama atau teater dalam bilik darjah telah lama dilaksanakan. Kenyataan ini disokong oleh Nadarajan Thambu (2014) yang mengatakan teater dalam pendidikan ditakrifkan sebagai sebuah gerakan yang bermula di Britain pada pertengahan 1960-an sebagai tindak balas langsung kepada keperluan untuk kedua-dua aspek teater dan sekolah. Hasilnya terbukti begitu baik dan ternyata dapat meningkatkan kemahiran dari aspek komunikasi dan kreativiti murid. Kajian yang dilakukan oleh Elena Shraiber dan Elena Yaroslavova (2016) mendapati kaedah teater di dalam bilik darjah telah diguna pakai sejak tahun 50-an. Di Barat, kaedah teater dalam pendidikan sememangnya sudah lama diaplikasi di sekolah dalam pengajaran dan pembelajaran. Hal ini dibuktikan oleh para pengkaji bidang pendidikan di Barat yang telah mengenal pasti hubungan antara teater dan pendidikan. Elena menambah, pelopor-pelopor teater dalam pendidikan di Barat seperti Mc Caslin, Walter, Peter Slade dan Winifred Ward, telah membuktikan bahawa drama memainkan peranan yang penting dalam pendidikan kerana dapat mengubah cara pembelajaran murid berbentuk kreatif dan aktif.



Rajah 1 Kon Pembelajaran Edgar Dale
Sumber: Dale (1969)

Menurut Dale (1969), murid yang terlibat secara langsung dalam aktiviti teater atau drama mengingati 90 peratus daripada isi kandungan pengajaran kerana mereka telah melalui pengalaman langsung. Rajah 1 di atas menunjukkan bahawa kaedah yang berbentuk teater atau drama ini berupaya menyediakan pengalaman pembelajaran dari aspek kreativiti murid (Basourakos, 1999; Beckerman, 1990; Levy, 1997; Verducci, 2000; Winston, 1999). Menurut Verducci (2000), teater juga dikatakan mampu mengembangkan bakat murid yang berpotensi melalui aktiviti seni seperti lakonan yang dramatic.

Terdapat beberapa mata pelajaran yang boleh mengaplikasikan kaedah teater atau drama di sekolah (Amir Zahari, 2019). Walau bagaimanapun, pelaksanaan tidak boleh dilakukan secara drastik kerana sistem pendidikan sudah mempunyai aturan dan coraknya yang tersendiri. Justeru, bagi mendalami konteks kajian ini, penulis memberi tumpuan khusus terhadap mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif genre Drama. Menurut Mana Sikana (2006), drama dikaitkan dengan lakonan dan teks yang penuh dengan dialog. Dua sifat dan ciri yang digabungkan dalam genre drama apabila dibandingkan dengan genre yang lain seperti novel, cerpen dan puisi. Tambahnya lagi, drama merupakan suatu persembahan atau *performance* yang bergantung kepada aspek transformasi teks, lakonan, pengarah, teknikal pentas dan kekaguman (*spectacular*), bukannya unsur bahasa dan narasi seperti genre yang lain. Drama adalah sebuah seni persembahan yang menyediakan saluran untuk ekspresi diri dan menggalakkan ruang PdPc yang kreatif dan bermakna (Roselina Khir Johari, 2018). Kaedah teater dapat dijadikan sebagai alat pedagogi yang berkesan dalam melibatkan pelbagai aspek pertumbuhan murid seperti intelek, fizikal, sosial dan emosi mereka (Afrev, 2013). Usaha membentuk proses produksi teater dalam bilik darjah sekali gus dapat mengasah bakat dan membangunkan kreativiti dalam kalangan murid KM.

Perkembangan Pendidikan Kesusasteraan Melayu di Malaysia

Pendidikan Kesusasteraan Melayu (KM) di Malaysia bermula sejak pendudukan Inggeris di Tanah Melayu (Arfah Ahamad, 2018). Menurut Chew (2006), sastera Inggeris dilihat lebih menonjol jika dibandingkan dengan sastera Melayu, Cina dan India. Hal ini berlaku disebabkan konteks yang lebih tertutup dan bersifat sukuan. Pada ketika itu, sistem pendidikan Inggeris bertumpu terhadap kaum pendatang dan masyarakat Melayu bangsawan, menyebabkan sastera Inggeris hanya tertumpu daripada mereka yang berpendidikan Inggeris, manakala sastera Melayu pula hanya tertumpu oleh penduduk tempatan. Menurut Arfah (2018), sebelum Perang Dunia Kedua, pendidikan KM telah didedahkan kepada murid-murid di sekolah rendah Melayu. Tujuan pendidikan kesusasteraan diperkenalkan

pada zaman pemerintahan Inggeris adalah untuk menyedarkan orang Melayu supaya mengenali diri dan budaya. Menurut laporan Barnes (1951), pengajaran kesusasteraan perlu diperkenalkan pada peringkat rendah supaya pemikiran murid akan terbuka dan mereka dapat memahami, serta mengenali budaya sendiri (Ibrahim, 2013; Abdul Razak & Ismail 2013, Misran, 1999). Pada peringkat awal, subjek Bahasa Melayu (BM) bertujuan membantu mempertingkatkan kecekapan penggunaan Bahasa Melayu. Halim menambah selaras dengan perkembangan dan perubahan dasar kurikulum pendidikan Malaysia, mata pelajaran KMK juga menerima anjakan paradigma.

Walau bagaimanapun, mata pelajaran KMK berstatus sebagai mata pelajaran elektif di sekolah. Status ini memberi gambaran kepada umum bahawa mata pelajaran KM ini boleh diambil atau tidak diambil kerana bersifat elektif, malah dianggap sebagai kelas kedua dan kelas ketiga (Mohamad Fauzi, 2007; Ibrahim, 2016). Status demikian memberi andaian kepada umum bahawa KMK ini tidak dititikberatkan dalam membangunkan modal insan yang seimbang sebagai warganegara yang cintakan budaya bangsa negara. Menurut Mazlan Ismail (2018), pembelajaran KMK dapat membentuk dan melahirkan modal insan yang luhur dan mampu menangani masalah sosial, berdaya saing dan berfikiran matang.

Dalam penulisan ini, penyelidik memberi perhatian khusus terhadap pembelajaran genre drama dengan mengaplikasikan Produksi Teater semasa proses PdPc berlangsung. Sehubungan itu, melalui pendekatan Produksi Teater ia dapat melonjak paradigma menerusi kaedah pembelajaran genre drama. Pendekatan Produksi Teater pada amnya masih kurang diterima sebagai salah satu PdPc di sekolah.

Kesan Pendekatan Produksi Teater dalam Genre Drama

Mengapakah kaedah Produksi Teater dianggap sesuai digunakan sebagai satu pendekatan PdPc di dalam bilik darjah? Menurut Ozgehan Ustuk dan Dilek Inan (2017), PdPc menerusi teater dapat merangsang kreativiti dalam penyelesaian masalah dalam kalangan murid. Pelaksanaan produksi teater dapat mencabar dan menguji persepsi murid tentang daya kemampuan mereka dan tahap kebolehan dalam melaksanakan sesuatu kerja seni dalam menghasilkan sebuah pementasan drama. Kaedah Produksi Teater membolehkan murid meneroka saluran emosi, fikiran dan impian mereka yang tidak mungkin dapat diperoleh semasa suasana PdPc dijalankan secara formal. Murid digalakkan untuk berfikir dan bertindak secara kreatif menggunakan daya imaginasi mereka ketika berhubung dengan situasi yang pelbagai. Mereka tidak lagi dikongkong dan tiada garis batas yang

ditetapkan ketika disuruh menyatakan pendapat terhadap sesuatu masalah atau perkara. Murid secara langsung atau tidak langsung diberikan peluang meneroka peranan baharu untuk melaksanakan kerja-kerja mengendalikan sebuah pementasan seperti pengolah skrip, lakonan dan mereka bentuk dalam aspek sinografi seperti set, prop, kostum, audio, muzik dan *make-up*. Selain itu, murid dapat berkongsi bersama rakan kelas mencari penyelesaian sesuatu masalah yang terdapat dalam tugas yang diberikan.



Foto 1 Murid beraksi mementaskan sebuah drama yang terkandung dalam genre drama

Pelaksanaan Produksi Teater dalam PdPc drama membolehkan pelajar menjalani latihan proses pembentukan kreativiti bagi mendapatkan maklumat seperti bagaimana eksplorasi sesuatu watak dan perwatakan yang dipikul, dari segi pengolahan skrip menjadi sebuah drama teks yang ringkas dan penyediaan aspek sinografi seperti tatarias, hiasan pentas dan sebagainya. Fasa yang dilalui murid dalam konteks menyelesaikan sesuatu masalah yang berlaku di sekeliling mereka mewujudkan kerjasama dalam bilik darjah itu menjadi sebuah konsep PdPc yang aktif turut dipantau serta guru menjadi fasilitator kepada pelajar dalam proses Produksi Teater.

Sehubungan itu, guru menjadi fasilitator awal dalam memperkenalkan Produksi Teater. Guru perlu melaksanakan rangka kerja yang sistematik seperti perbincangan awal dalam mengagihkannya tugas kepada pelajar untuk memikul tugas pengurusan dan memilih para pelakon dalam proses pelaksanaan Produksi Teater. Bagi membantu pelajar membina konsep atau pengetahuan baharu, guru perlu mengambil kira struktur kognitif yang sedia ada pada mereka. Apabila maklumat diberikan dalam perbincangan dan pelajar menyesuaikan tugas masing-masing untuk dijadikan sebahagian daripada pegangan kuat mereka, barulah bentuk baharu tentang sesuatu ilmu pengetahuan dapat dibina (Syahida Nadia Zakaria, 2015). Aktiviti PdPc perlu bermula dari had bawah zon perkembangan proksimal, yang mana pelajar hanya dapat memperoleh tahap

ilmu dan kemahiran yang lebih tinggi melalui kolaborasi yang erat dengan seorang guru atau melalui pembelajaran koperatif. Pembelajaran koperatif boleh dilakukan dengan mengadakan aktiviti secara berkumpulan supaya pelajar boleh berkolaborasi sesama mereka. Aktiviti berkumpulan seperti perbincangan dan gerak kerja kumpulan juga dapat mewujudkan interaksi yang berkualiti antara setiap pelajar. Melalui aktiviti dan perbincangan dalam kumpulan, pelajar dapat berkongsi idea, memperoleh pemahaman yang lebih jelas dan meluahkan buah fikiran. Sokongan dan bimbingan rakan dapat mendatangkan manfaat kepada setiap pelajar. Pelajar yang berkebolehan dan lebih berkemahiran boleh bertindak sebagai pengajar kerana murid lebih mudah faham apabila rakan sebaya yang membimbing kepada rakan sebaya demi penguasaan pengetahuan dan kemahiran yang dikehendaki (Critelli & Tritapoe, 2010).



Foto 2 Sesi latihan dan pemilihan jawatankuasa dalam Produksi Teater

Saranan Vygotsky (1978) menunjukkan kepentingan peranan guru sebagai fasilitator yang dapat memberikan bimbingan efektif ke arah meningkatkan kemahiran kreativiti murid KM. Bersesuaian dengan kajian ini yang memberi tumpuan kepada kemahiran kreativiti murid KM, maka teori Vygotsky (1978) begitu tepat untuk dirujuk.

Dalam proses ini, pelajar dapat meningkatkan pemahaman mereka tentang sesuatu perkara atau isi pembelajaran tersebut. Kajian Sharan dan Sachar (1992, disebut dalam Sushkin, 1999) membuktikan kumpulan pelajar yang diajar menggunakan pendekatan konstruktivisme telah mendapat pencapaian yang lebih tinggi dan signifikan berbanding kumpulan pelajar yang diajar menggunakan pendekatan konvensional. Dalam kajian yang dijalankan terhadap murid KMK menggunakan Produksi Teater ini, pelajar terdedah dengan suasana pembelajaran

genre drama yang berkonsepkan penghasilan sebuah projek teater. Maka, pelajar digalakkan untuk berkomunikasi dan berkolaboratif antara rakan kelas bagi menghasilkan sebuah pementasan drama. Oleh hal yang demikian, wujud satu pemikiran yang kritis dalam mendidik pelajar untuk membuat penilaian yang jitu terhadap sesuatu perkara. Justeru, ia turut membuktikan bahawa pendekatan konstruktivisme di dalam bilik darjah dapat membimbing pelajar untuk mendapatkan pemahaman dan pencapaian yang lebih tinggi dan signifikan terhadap sesuatu pembelajaran drama tersebut.

Pendekatan Praproduksi, Produksi dan Pascaproduksi dalam Produksi Teater

Konsep yang berteraskan aktiviti teater dalam pendidikan dapat berfungsi memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Negara kerana aktiviti ini menuntut kerjasama dalam kalangan murid yang mengambil bahagian, terutamanya aktiviti yang dijalankan di dalam bilik darjah (Kamarudin Husin, 2010). Kaedah Produksi Teater dalam PdPc KMK genre drama melibatkan pengalaman pelajar yang dilalui oleh mereka dengan memerlukan kebolehan intelektual yang tinggi dari segi pelaksanaan dan pemikiran. Menurut Andika Aziz (2014), sesetengah sarjana teater mengatakan bahawa pembelajaran melalui pengalaman lebih berkesan berbanding dengan pendidikan formal selama sepuluh tahun tiada kehebatannya jika dibandingkan dengan mempunyai ilmu walau sedikit. Tambahan pula, kaedah Produksi Teater mengajak setiap pelajar menerokai kebenaran dengan menghayati sesuatu naskah drama sebagai contoh menghayati watak dan perwatakan, nilai pengajaran, latar masyarakat dan teks drama dari segi bahasa yang digunakan. Kesemua aspek tersebut dapat mendidik setiap pelajar menjadi individu yang berdisiplin dari segi konsistensi dengan tugas yang diberikan, patuh kepada ahli kumpulan produksi serta mengamalkan sikap menghargai kebolehan orang lain dan bekerja dalam satu kumpulan (Mana Sikana, 2017).

Persembahan teater sinonim dengan kerja berpasukan seperti membentuk sebuah organisasi produksi. Selain itu, ia merupakan hasil karya kreatif yang unik kerana berkaitan dengan seni dan budaya dalam sesuatu masyarakat (Ab Samad Kechot & Sabzali Musa Kahn, 2011). Dalam organisasi produksi teater, kepelbagaian idea dan penghasilan reka bentuk dalam sesebuah seni pementasan merupakan aktiviti yang memerlukan perancangan dan pelaksanaan yang sistematik (Wesley, 2000). Perancangan di sini membawa maksud segala aktiviti yang melibatkan proses kerja-kerja awal produksi hingga persembahan akhir (penilaian) yang perlu diambil kira daripada pelbagai aspek. Menurut Andika Aziz (2014), pelaksanaan produksi teater terbahagi kepada tiga aspek, iaitu praproduksi,

produksi dan pascaproduksi. Tiga elemen ini melengkapkan dan menyusun strategi dalam proses pelaksanaan pementasan drama. Berdasarkan sorotan kajian, didapati tiada penyelidik yang menghasilkan kajian berkenaan kaedah produksi teater dalam PdPc genre drama. Justeru, dalam konteks kajian ini penyelidik memfokuskan fungsi produksi teater dalam konteks pendidikan, iaitu melalui PdPc genre drama. Kaedah Produksi Teater meletakkan proses kreativiti, iaitu setiap pelajar menjalani gerak kerja yang dapat memperkembangkan minda kreatif seperti lakonan, pengarah, pengurus pentas, pengolah skrip, pereka set (pentas), pereka prop, audio (muzik), pereka kostum dan tatarias (*make-up*). Objektif dalam PdPc genre drama adalah melalui gerak kerja dengan mementaskan drama dan menghasilkan naskhah drama seperti yang termaktub dalam Huraian Sukatan Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu (2003).



Foto 3 Murid sedang menjalani sesi latihan di dalam bilik darjah

Lakonan dan pengurusan seni merupakan dua aspek utama dalam pengendalian produksi teater (Gabriella, 2014), manakala menurut Hamzah Tahir (2009), skop tugas yang terlibat dalam produksi teater merangkumi aspek persembahan dan juga sinografi (visualisasi pentas). Pementasan drama yang terdiri daripada pasukan gerak kerja dalam organisasi produksi merupakan salah satu daripada hasil karya kreatif yang istimewa kerana meliputi perkara yang berkaitan seni, iaitu merangkumi aspek lakonan dan pengurusan artistik (Gabriella, 2014). Produksi teater dalam erti kata lain seni persembahan, mempunyai peranannya

tersendiri dalam menyumbang pengetahuan dan kemahiran kreativiti yang berkesan kepada murid atau khalayak (Munevver; Suleyman; Sabriye, 2016). Ia menjurus kepada penghasilan sesuatu produk, menggalakkan murid menilai projek pentas, menyeronokkan malah bersifat autentik (Clark, 2006; Beneke, 2010; Katz & Chard, 2000). Peranan kaedah Produksi Teater dalam pendidikan bukan sahaja mengetengahkan konsep pembelajaran yang bermakna semata-mata, bahkan dapat membentuk elemen kolaboratif dalam PdPc drama dengan menghasilkan sesuatu hasil kerja seni pentas yang menarik. Rafiza Abdul Razak (2013), dalam kajiannya menyatakan bahawa pembelajaran berbentuk kolaboratif boleh meningkatkan pencapaian pelajar dan meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi seperti pemikiran kritikal (Gokhale, 1995; Cheong *et al.*, 2012).

Menurut Mazlan Ismail (2018), cabaran dalam bidang pendidikan begitu mencabar terutamanya dalam pengurusan PdPc di bilik darjah. Pelbagai pelaksanaan perlu dilakukan, antaranya kaedah PdPc yang berteraskan teknologi (ICT). Mutakhir ini, konsep teknologi dalam PdPc itu memberi impak yang positif kepada pelajar dan sistem pendidikan. Konsep tersebut berteraskan PdPc abad ke-21, iaitu mengikut peredaran zaman dan tidak mahu murid tercicir dalam dunia teknologi (Azhar Wahid, 2017). Oleh hal yang demikian, bagaimanakah kemahiran kreativiti pelajar pada masa kini hanya bergantung kepada medium teknologi dengan menggunakan aplikasi komputer, internet dan *slides*. Peranan fasiliti di sekolah juga harus diambil kira. Terdapat juga sebilangan sekolah yang tidak mempunyai kemudahan yang baik dan lengkap.

Produksi teater dilaksanakan bertujuan memberi peluang kepada pelajar menikmati suasana PdPc genre drama yang menyeronokkan dan bermakna. Guru pula dapat memantau perkembangan pelajar secara holistik, bukan sahaja menerusi penilaian yang dilakukan secara sumatif tetapi juga menitikberatkan penilaian yang dibuat secara formatif. Ia memenuhi tuntutan kemahiran abad ke-21 dan penilaian yang lebih menekankan pertumbuhan pelajar secara berperingkat. Justeru, tujuan fungsi produksi teater dalam pendidikan ini dibahagikan kepada tiga perkara asas yang berpusatkan murid iaitu;

- i. Menggalakkan minat murid terhadap KMK genre drama.
- ii. Mempertingkatkan kemahiran kreativiti murid melalui proses Produksi Teater lakonan dan pengurusan artistik (sinografi).
- iii. Membina keyakinan diri pelajar.

Menurut Jimmy Bickerstaff (2011), terdapat beberapa elemen yang boleh dinilai melalui kreativiti persembahan. Walau bagaimanapun, penyelidik memilih tiga elemen utama yang boleh dinilai dari aspek kreativiti iaitu pengolahan skrip, lakonan dan aspek sinografi. Pertama, melalui bagaimana pelajar mengolah skrip drama tersebut. Keduanya, melalui lakonan dalam menghayati dan memperkembangkan watak perwatakan. Ketiga, adalah melalui sinografi seperti pembinaan set prop, tatarias, audio (muzik) dan solekan (*make-up*). Pelaksanaan kaedah teater dalam sesi PdPc mampu meningkatkan daya kognitif dan kreativiti pelajar (Nadarajan Thambu, 2014). Kajian yang dilakukan oleh Isnani Norasiken Mohamed Ali dan Muhammad Andi Mohammed Zulkepli (2015) berkenaan kaedah teater ternyata telah terbukti keberkesanannya dalam menyampaikan pengajaran yang menarik. Walau bagaimanapun, panduan yang lengkap dalam mengendalikan kaedah teater masih belum diperoleh atau digunakan di sekolah.



Foto 4 Pementasan drama dijalankan bagi melaksanakan anjakan paradigma dalam PdPc Kesusasteraan Melayu Komunikatif

Produksi Teater juga digunakan sebagai satu medium atau pendekatan sebagai alat atau bahan dalam proses PdPc (Andika Aziz, 2014). Ironinya, menurut Elena Shraiber dan Elena Yaroslavova (2016), kaedah teater di dalam bilik darjah telah diguna pakai sejak tahun 50-an. Di Barat, kaedah teater sememangnya sudah lama diaplikasi di sekolah dalam pengajaran dan pembelajaran. Hal ini dibuktikan oleh para pengkaji bidang pendidikan di Barat yang telah mengenal pasti hubungan antara teater dan pendidikan. Elena menambah, pelopor-pelopor teater dalam pendidikan di Barat seperti Mc Caslin, Walter, Peter Slade dan Winifred Ward menunjukkan bahawa drama memainkan peranan yang penting dalam pendidikan kerana dapat mengubah cara pembelajaran murid berbentuk kreatif dan aktif.

Aspek pengurusan dan artistik pentas tidak boleh diabaikan dalam menentukan kejayaan sesebuah pementasan (Aminah, 2006). Elemen ini menjadi tunjang dalam memastikan sesebuah produksi berjalan dengan lancar, bermula dari peringkat praproduksi, produksi dan pascaproduksi (Andika Aziz, 2014).

Bagi melengkapkan pelaksanaan Produksi Teater di dalam bilik darjah, aspek lakonan dan pengurusan artistik pentas merupakan tunjang utama dalam menghasilkan pementasan drama (Aminah, 2006). Elemen ini menjadi tunjang dalam memastikan sesebuah produksi berjalan dengan lancar, bermula dari peringkat praproduksi, produksi dan pascaproduksi (Andika Aziz, 2014). Dalam konteks kajian ini, penyelidik akan menyenaraikan tugas yang perlu dilaksanakan oleh murid, mengikut pendekatan praproduksi, produksi dan pasca produksi:

Jadual 1 Pelaksanaan tugas semasa praproduksi, produksi dan pascaproduksi

Fungsi	Praproduksi
Guru Murid	<ul style="list-style-type: none"> • Guru memberi penerangan kepada murid berkenaan Produksi Teater. • Guru mengagihkan tugas dan terbahagi kepada dua iaitu lakonan dan pengurusan artistik. • Merancang tarikh pementasan dan waktu latihan yang diadakan. • Pemilihan naskhah drama. • Pengurusan seperti pereka set, pencahayaan, muzik (bunyi) memerlukan pereka kostum berbincang dengan pengarah terhadap kesesuaian dalam hasil kerja dan pemilihan produk. • Pengarah dan guru memantau sesi latihan. • Pengurus pentas sentiasa bersama pengarah dan guru bagi memastikan semua urusan pementasan berjalan dengan lancar. • Mengolah skrip drama.
Fungsi	Produksi
Pengarah Guru	<ul style="list-style-type: none"> • Pengarah dan Pengurus Pentas menyediakan gerak kerja dalam sesi latihan bersama para pelakon. • Sesi latihan dijalankan. • Pembacaan '<i>Script reading</i>'. • Setiap pelakon diberi arahan untuk menghayati watak dan perwatakan. • Hafal skrip. • Setiap ahli pengurusan perlu kemukakan draf kepada pengarah dan guru. • Perbincangan akhir berasama semua ahli produksi termasuk pelakon dan pengurusan artistik. • Pementasan akhir.
Fungsi	Pascaproduksi
Guru	<ul style="list-style-type: none"> • Sesi penilaian oleh guru dijalankan. • Penilaian terhadap setiap produk yang dihasilkan. • Menilai para pelakon terhadap peningkatan pemahaman watak yang baik. • Menilai kreativiti murid dari segi produk yang dihasilkan.

Pelaksanaan Produksi Teater ini dijalankan di sekolah melalui PdPc genre drama. Oleh hal yang demikian, ia tidak setanding dengan pelaksanaan pementasan berskala besar dan menerima impak yang tinggi. Produksi teater ini dilakukan secara berskala kecil dan murid bertindak sebagai asas utama dalam mengembangkan kemahiran kreativiti murid. Proses praproduksi, produksi dan pasca cukup memadai digunakan dalam menilai murid untuk melaksanakan Produksi Teater dalam PdPc genre drama. Perkara paling penting adalah proses yang dilalui oleh murid dalam mempertingkatkan kemahiran kreativiti setiap murid.

Bagaimana memastikan sebuah produksi terhasil seperti yang dirancang? Tiada sebuah Produksi Teater yang berlangsung tanpa menempuh sebarang masalah atau rintangan walaupun dijalankan dalam bentuk skala kecil seperti aktiviti teater di sekolah. Bermula dari peringkat permulaan produksi sehingga pementasan akhir, terdapat pelbagai masalah yang tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, proses pelaksanaan ini melatih murid untuk bertindak dalam menyelesaikan masalah seperti perbincangan untuk mencari jalan penyelesaian, merujuk guru terhadap isu yang berlaku dan kesepakatan untuk mencari jalan penyelesaian. Setiap organisasi yang ditubuhkan perlu dibentuk sebelum memulakan sesuatu perjumpaan antara setiap ahli produksi tersebut. Seterusnya, setiap ahli produksi yang terlibat dalam lakonan dan pengurusan kreatif perlu diberi bimbingan dari semasa ke semasa agar setiap kemahiran atau hasil kerja dapat dibentuk dengan jayanya. Hal ini bertujuan menjamin agar setiap ahli dapat menggembelngkan tenaga supaya dapat menghasilkan seni persembahan yang dapat mencapai matlamatnya (Ab Samad Kechot & Sabzali Musa Kahn, 2011).

Menurut Jimmy Bickerstaff (2011), *theatrical production is a collaborative creative*. Pementasan drama merangkumi beberapa cabang seni lain seperti seni muzik, seni suara dan seni lukis. Dari aspek seni pementasan drama, ia dibantu oleh rekaan dan pembinaan set, tatacahaya, kostum, tatarias dan unsur-unsur teknikal lain yang memberi sumbangan kepada kesan visual serta bermakna untuk mengukuhkan lagi persembahan. Menurut Sabzali Musa (2009), teater adalah satu bidang seni yang luas, menyeluruh dan mempunyai pelbagai disiplin dan kreativiti. Justeru, pengarah harus bekerjasama rapat dengan para pelakon dan pengurusan seni kreatif seperti audio, muzik, tatarias, tatacahaya, kostum dan set untuk memberi makna serta melengkapkan kesan gah yang diinginkan untuk menambat perhatian penonton. Idea kreatif berperanan penting bagi menjayakan sesuatu rekaan. Kreativiti membolehkan sesuatu idea dikembangkan untuk menimbulkan kesan pementasan yang menarik dan bermakna. Dalam proses pengolahan idea kreatif, setiap murid perlu melalui tindakan yang bersistematik. Bagi drama untuk dipentaskan pula, arahan-arahan pentas dikurangkan kerana memberi kreativiti

kepada pelakon dan tugas pengurusan artistik untuk menginterpretasikan setiap hasil produk seni. Somers J. (2004) berpendapat sebuah pementasan teater perlu mempunyai elemen artistik bagi membolehkan ia mengangkat fungsi teater iaitu menghiburkan, mendidik, menarik dan mengagumkan. Sekiranya arahan diberikan secara terperinci, dibimbangi ia akan mempengaruhi tahap kreativiti pelakon dan pengurusan artistik.

Menyentuh tentang Produksi Teater, salah satu skop utamanya adalah dari segi sinografi pentas. Hamzah Tahir (2009) menyifatkan elemen-elemen sinografi seperti pereka set, pereka props, audio (muzik), kostum dan solekan (*make-up*) mestilah bersatu, seragam, berkait antara satu sama lain, seimbang dan harusnya lengkap untuk memberi keberkesanan dalam pementasan yang mantap. Maka, teater itu merujuk kepada sebuah produksi ataupun sebuah organisasi yang merancang untuk menghasilkan satu produk khusus untuk tontonan khalayak. Sabzali Musa Kahn (2009) menyatakan peluang mendapatkan idea yang lebih baik dan kreatif akan bertambah apabila kita meneroka pelbagai sumber dan melakukan dengan penuh iltizam dan usaha yang rapi.

Peranan utama dalam sesuatu Produksi Teater ialah pengarah. Dalam konteks aktiviti Produksi Teater ini, murid yang dilantik sebagai pengarah harus bijak dan berani 'membawa' semua ahli produksi termasuk pelakon dan pengurusan artistik dalam sesi latihan hingga ke pementasan. Pengarah bertanggungjawab atas sebahagian besar kejayaan sesebuah pementasan (Solehah Ishak, 2012). Pengarah memilih skrip yang hendak dipentaskan, pengarah juga menterjemahkan setiap plot kepada para pelakon untuk memahami jalan cerita dan situasi. Pengarah turut bekerjasama dengan para pelakon dan krew (tenaga kerja pengurusan kreatif) untuk mencungkil kemahiran kreativiti murid dalam soal lakonan dan pengurusan kreatif kerana mereka mementaskan drama di hadapan khayalak.

Cabaran Pelaksanaan Produksi Teater

Produksi Teater merupakan pendekatan pedagogi yang masih baharu di sekolah menengah. Ironinya, peminggiran kaedah Produksi Teater oleh pihak guru dan sekolah boleh menyebabkan aspek-aspek unik teater seperti analisis kritis, pembentukan perwatakan, tingkah laku, penyuburan perasaan, kemahiran sosial dan kemahiran komunikasi masih terpinggir dalam sistem pendidikan dewasa ini (Schroeter, 2008). Maka, melalui kajian ini penyelidik ingin memaparkan juga cabaran pelaksanaan Produksi Teater (satu cabang teater) agar dapat dimanfaatkan untuk meluaskan pengetahuan dalam aspek kreativiti dan analitik dalam disiplin ilmu genre drama.

Takrifan dalam pelaksanaan Produksi Teater dalam pembelajaran genre drama tidak mudah dilakukan jika tidak disertakan dengan minat dan kerjasama antara guru dan murid. Pelbagai cabaran perlu ditempuhi oleh setiap guru dan murid dek kekangan-kekangan yang ada ketika ingin melaksanakannya. Antaranya adalah mutakhir kini didapati ramai pelajar mempunyai sifat yang pasif dalam aktiviti-aktiviti di bilik darjah. Perkara ini mungkin terjadi disebabkan pelaksanaan pengajaran guru yang berbentuk konvensional dan kurang memberi pendedahan terhadap konsep pembelajaran yang berpusatkan pelajar.

Pembelajaran genre drama di dalam bilik darjah menjadi lebih menarik jika guru dapat menggunakan Produksi Teater. Menurut Amir Zahari (2018), penggunaan kaedah teater dalam pembelajaran drama dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang proaktif. Sehubungan itu, kajian ini akan meneliti semua permasalahan dalam pelaksanaan kaedah teater dari aspek persepsi guru-guru yang terlibat secara langsung dalam pengajaran drama. Penyelidikan ini juga diharapkan dapat mengesan unsur-unsur yang boleh menghalang keberkesanan pelaksanaan pengajaran drama dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK) dan seterusnya boleh dijadikan panduan kepada guru atau ahli akademik yang ingin membuat kajian lanjut tentang pembelajaran genre drama pada masa akan datang.

Kajian yang dilaksanakan oleh Abang Patdeli (2018) mendapati modal utama dalam proses PdPc yang terdapat dalam komponen sastera di sekolah adalah buku teks berbentuk sementara, manakala cara pengajarannya secara menyeluruh agar pelajar dapat membacanya di dalam bilik darjah. Sedangkan, waktu yang disediakan hanya dua pertemuan setiap minggu, iaitu jumlah yang dianggap tidak mencukupi berbanding dengan genre drama yang diajar. Pendekatan genre drama yang seharusnya memerlukan murid untuk menghayati konteks drama dan setiap genre drama yang dipelajari perlu dipentaskan. Sejalan dengan pelaksanaan KSSM baharu pada tahun 2020 yang diselaraskan untuk pelajar tingkatan 4 dan 5 menyarankan pembelajaran KMK adalah bersifat amali dan berkonsepkan pendekatan didik hiburan.

Selain itu, menurut Abang Patdeli (2018) kebanyakan pelajar tidak berminat dengan pembelajaran drama. Terdapat kajian berkenaan permasalahan dalam PdPc KM. Salah satunya adalah kaedah pengajaran guru yang membosankan dan proses PdPc tidak lagi seronok, sebaliknya lebih merupakan kelas ekspres untuk mengejar satu matlamat, iaitu peperiksaan (Chew Fong Peng, 2006). Di samping itu, kajian oleh Mazlan Ismail (2018), mendapati penggunaan teks atau karya sastera yang streataip dan hanya membincangkan soal kemanusiaan serta sosial

masyarakat semata-mata tanpa melihat karya-karya KM sebagai satu anjakan paradigma berbentuk *futuristic*, sains dan teknologi begitu kurang (Farizah Hanim & Sairi, 2016). Hal ini menyebabkan minat dan tarikan kepada pelajar agak menurun berbanding dengan karya-karya picisan yang banyak membicarakan soal keremajaan secara santai dan mudah difahami oleh pembaca dalam golongan awal remaja. Pemilihan naskah sastera seperti genre drama yang terlalu panjang dan hanya berfokuskan kepada cerita-cerita yang lama dan ada kalanya tidak relevan bagi setiap pelajar sekolah pada masa kini. Keadaan ini menyebabkan pelajar tidak tertarik, sekali gus mengakibatkan sesebuah karya tersebut tidak dibaca dan dihayati. Oleh itu, pembaharuan dari segi naskah yang ‘gila-gila’ seperti soal cinta menjadi penghalang, kisah anak-anak terhadap ibu bapa, kehidupan keluarga yang berebut urusan harta benda, cerita yang berunsurkan tahyul dan seram serta cerita tentang kehidupan di planet atau sebagainya. Karya yang kreatif atau di luar pemikiran konvensional yang dipilih mampu menarik minat pelajar dan memenuhi tuntutan pada masa kini. Minat pelajar yang tidak suka membaca dan tidak menjadikan membaca sebagai satu amalan, menjadi penyebab teks wajib yang disenaraikan dalam mata pelajaran KMK tidak dapat dikaji dan dihayati dengan baik oleh pelajar, sebaliknya buku-buku ulasan di pasaran menjadi pegangan kepada guru dan pelajar. Hal ini ada kaitannya dengan tekanan peperiksaan, khususnya di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Aspek pembelajaran genre drama harus disuntik dengan inovasi agar tidak hanya berfokuskan kepada pembelajaran yang berbentuk struktural dan formalistik. Apabila pendekatan pengajaran sesuai dan mantap, sudah pasti pembelajaran murid dapat merangsang minda mereka dan dunia kesusasteraan dapat dihayati (Arfah Ahamad, 2018). Selain itu, PdPc KMK dapat memberi penekanan terdapat aspek pembelajaran menyeronokkan terutamanya menerusi pendekatan kaedah Produksi Teater yang dapat menyemai dan mengembangkan bakat kreativiti pelajar. Antara lain, pembelajaran yang berteraskan produksi teater ini memberi peluang kepada pelajar untuk memahirkan diri dalam proses berkarya seperti lakonan agar dapat menghayati sesuatu naskah tersebut, menghasilkan dan mengolah naskah drama dan membina sesuatu sinografi dari visualisasi naskah drama ke pentas teater.

KESIMPULAN

Pelaksanaan Produksi Teater sebagai aspek pedagogi mempunyai beberapa perkara yang harus diketahui. Pertama, kesedaran erti pembelajaran drama dan fungsinya terhadap dunia pendidikan. Kedua, aspek-aspek pedagogi yang dapat dicerakinkan dari segi kaedah pendramaan itu sendiri yang amat luas dapat

memberi impak yang positif dan dapat mempertingkatkan daya kreativiti setiap pelajar. Produksi Teater dianggap menarik kerana dapat dijalankan di dalam bilik darjah menerusi penglibatan dalam lakonan dan pengurusan kreatif. Perkara yang ditekankan ialah latihan proses kepada setiap pelajar untuk memupuk kemahiran kreativiti dan daya keyakinan murid termasuk dari aspek komunikasi pelajar. Dengan memahami situasi ini, naskhah drama bukanlah hanya sebuah cerita, tetapi dari konteks pembelajaran juga mampu membawa perubahan terhadap setiap murid. Sesungguhnya dengan mengaplikasikan Produksi Teater murid-murid dapat mengenal kehidupan dan mengukuhkan silaturahim antara rakan-rakan di dalam bilik darjah melalui sastera. Tanpa memahami semua keperluan ini, naskhah drama tidak akan hidup. Genre drama tidak sekadar mengajar dan belajar bahasa, bahkan juga mengajar erti diri itu sendiri.

RUJUKAN

- Ab Samad Kechot & Sabzali Musa Kahn. (2011). Pengurusan artistik: Kajian mengenai peranan set selaku tenaga kreatif dalam seni persembahan pentas di Malaysia. *Journal-eBangi*, 6 (2), 124–141.
- Abd. Ghafar Md. Din. (2003). *Prinsip dan amalan pengajaran*. Kuala Lumpur: Utusan.
- Abd. Halim Hassan. (1994). *Komunikasi dan pengurusan pendidikan*. Kuala Lumpur: Percetakan Sentosa Sdn. Bhd.
- Ainun Rahman, Zamri Mahamod & Wan Muna Ruzana. (2017) Pembelajaran abad ke-21 dan pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian Bahasa Melayu Murid sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*, 7 (2), 77–88.
- Andika Aziz. (2014). *Pengurusan produksi teater*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Ani Omar. (2015). Pendidikan sastera remaja di Malaysia dalam membina generasi unggul berasaskan Falsafah Pendidikan Negara. *Jurnal Pendeta*, 5 (1), 1–22.
- Ani Omar, Mohd Amir Mohd Zahari & Farra Humairah. (2019). *Drama dan teater dalam pendidikan pengertian, teori dan amalan*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Arfah Ahamad. (2018). *Mereka bentuk dan menilai Modul Mai-T ke atas tahap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Murid Kesusasteraan Melayu*. Tesis Ph. D (Tidak diterbitkan). Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Azhar Wahid. (2017). *Cabaran pengurusan pendidikan sastera Melayu di sekolah pada masa kini*. Tanjung Malim: Persatuan Penulis Budiman Malaysia.
- Chew Fong Peng. (2008). *Sastera kebangsaan, pendidikan sastera dan pembinaan negara Jilid 3*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Chia, Y. L. (2007). Alternative method of teaching moral values: Concretization of moral values. *Journal of Moral Education*, 36 (3), 309–319.
- Dale, E. (1969). *Audio-visual methods in teaching* (3rd ed.). New York, NY: Holt, Rinehart & Winston.
- Elena Shraiber & Elena Yaroslavova. (2016). *Drama techniques in teaching English as a second language to university students*. Chelyabinsk Oblast, Russia: South Ural State University.

- Ghazali Ismail. (2011). Teknik drama dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu: Tindakan sikap dan minat murid orang asli di sekitar Negeri Pahang. Dilayari daripada https://jpmipgmtaa.webs.com/Penulisan/Microsoft%20Word%20%20Kajian_TeknikDrama_OrangAsli.pdf
- Hamzah Tahir. (2009). *Apresiasi seni teater Malaysia*. Kuala Lumpur: Pusat Kebudayaan Universiti Malaya.
- Jimmy Bickerstaff. (2011). Collaborative theatre/creative process. *Communication and Theater Association of Minnesota Journal*, 38, 42–54.
- Kamarudin Hj Husin & Siti Hajar Abdul Aziz. (1998). *Drama dalam pengajaran bahasa*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2011). *Modul kreativiti: Pembangunan dan amalan dalam pengajaran dan pembelajaran*. Putrajaya. Bahagian Pembangunan Kurikulum,
- Mana Sikana. (2006). *Drama Melayu tradisional, moden dan pascamoden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mat Asuar. (2008). Kesan pendekatan penghayatan terhadap pembelajaran puisi. Tesis PhD (Tidak diterbitkan). Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Mayhew, M. J., & King, P. (2008). How curricular content and pedagogical strategies affect moral reasoning development in college student. *Journal of Moral Education*, 37(1), 17–40.
- Nadarajan Thambu. (2014). Penggunaan teater forum dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan moral di sekolah. Tesis Tesis PhD (Tidak diterbitkan). Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Noriati Rashid, Boon Pong Ying & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad. (2017). *Murid dan pembelajaran*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Ozgehan Ustuk & Dilek Inan. (2017). *Theatre in education: A case of foreign language teaching in Italy*. Balikesir University, Balikesir, Turki.
- Roselina Khir Johari. (2018). Making theatre and communicating meaning for young audiences: Director's Choices. *3rd International Music and Performing Arts Conference Proceedings*, 13–15 November 2018.
- Selathurai, N. (1992). Peranan drama, lakon dan 'role-playing' dalam bidang pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Kementerian Pelajaran Malaysia*, 64 (27), 16–23.
- Shamsuddin Muhammad, Ruzlan Md. Ali & Siti Noor Ismail. (2016). Tahap amalan penerapan Kemahiran Pemikiran Kritis (Kpk) di sekolah menengah berprestasi tinggi, sederhana dan rendah. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research*, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia.
- Somers, J. (2004). Editorial research in drama education. *The Journal of Applied Theatre and Performance*, 9 (1), 6–12.
- Syahida Nadia Zakaria. (2015). Kesan pendekatan konstruktivisme dan pendekatan tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran Komponen Sastera Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5 (2), 12–21.
- Tanja Beer & Dominique Hes. (2017). Sustainability in production: Exploring eco-creativity within the parameters of conventional theatre. *Behind the scenes: Journal of Theatre Production Practice*, 1 (1), 32–54.
- Wesley G. Matthei. (2000). *Mismanaging the system. How to change the system*. Kuala Lumpur: SAM. Publishing Sdn. Bhd.